

TAJAAN & SUMBANGAN

DATUK MOHD CHAN – RESTORAN MOHD CHAN

USTAZ HAJI ABDUL LATIF SATHARAN

PERSATUAN AL -HIDAYAH

PERTUBUHAN IQRA' MALAYSIA

DATO' MUSTAPHA MA

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

PERTUBUHAN IKRAM

PERSATUAN KEBAJIKAN & PENGUBATAN ISLAM MALAYSIA

ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA

PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

ISLAMIC PROPAGATION SOCIETY

ISLAMIC FORMATION & SERVICES FOUNDATION

PERSATUAN DARUL FITRAH

PERSATUAN AL HUNAFA

INTERACTIVE MUSLIMAH ASSOCIATION

Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs Malaysia

www.accin.org

facebook.com/ACCINmalaysia

sekretariataccin@gmail.com



ATURCARA

- 7.00 mln Ketibaan Para Jemputan
7.30 mln Solat Maghrib
8.00 mln Negaraku
Kata-kata aluan oleh pengacara majlis
Bacaan doa
Tayangan video korporat ACCIN
Ucapan aluan CEO ACCIN
8.10 mln Ucapan & perasmian oleh YB Daruk Seri Anwar Ibrahim
8.25 mln Pelancaran logo baharu ACCIN
8.30 mln Hidangan makan malam
9.15 mln Sesi Anugerah
9.25 mln Anugerah Lifetime Achievement
9.40 mln Anugerah Khas
9.50 mln Anugerah Sukarelawan
9.55 mln Intermission - Persembahan Interfaith
10.05 mln Anugerah RTD
10.15 mln Anugerah 1N1P
10.30 mln Bersurai

JAWANTANKUASA PROGRAM

Penasihat Program
TN HJ IR MOHD JAMALUDIN SHAMSUDIN
Pengarah Program
PN RAFIDAH HARUN M HASHIM
Timbalan Pengarah Program
HJH NOORSHIN NG
Sekretariat Program
EN KAMIL IDRIS
Pengacara Majlis
EN NIRWAN FAIYUMI
Pengurus Anugerah
TN HJ ADAM SHAH
Pengurus Majlis
EN MOHD SYAWAL SAAD
Pengurus Pentas
EN AFIQ ARIF
F&B, Sukarelawan, Hiasan
PN HABEEBAH ABDULLAH
Produksi Video
IDIA PICTURES
Katerer
ALYA JAYA CATERING

ANUGERAH 1 NGO 1 PROGRAM (1N1P)

INTERNATIONAL SEMINAR: RELIGIOUS VALUES IN PREVENTING & COUNTERING VIOLENT EXTREMISM

ACCIN • IIUM



Seminar Antarabangsa ini menemukan pakar-pakar di dalam bidang psikologi, teknik dan motif kepenganasan daripada dalam dan luar negara. Anjuran bersama dengan IIUM . Seminar yang telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Muhyiddin Yassin ini membincangkan tentang kepenganasan yang mungkin dikaitkan dengan agama, peranan nilai-nilai agama di dalam membentera kepenganasan serta usaha terancang mengaitkan Islam dengan kepenganasan di peringkat antarabangsa yang lebih di kenali sebagai Islamophobia. Islamophobia berpotensi merengangkan hubungan antara kaum dan penganut agama.

Resolusi seminar di pohon oleh YB Menteri Dalam Negeri untuk di pertimbangkan dalam merangka dasar PCVE negara. Mempengaruhi dasar merupakan satu usaha impak tinggi yang di junjung oleh ACCIN.

FORUM: RELIGIOUS VALUES IN COUNTERING EXTREMISM

ACCIN • PUM • WME



Forum ini disertai oleh personaliti daripada pelbagai agama iaitu Pastor Alexa Ho, Dr. Wan Adli Wan Ramli, YBRS Balakrishnan Kandasamy dan Mr. Vijaya dan membincangkan isu ekstremisme agama yang tidak tertumpu kepada mana-mana satu agama tetapi merupakan isu bagi semua agama secara umum. Faktor-faktor yang membuatkan ekstremisme agama dan cara-cara menanganiannya dengan lebih berkesan menggunakan perspektif nilai-nilai agama dibincangkan.

Program ini agak unik kerana teknik forum yang di anjurkan, ia itu selepas satu tayangan filem yang judulnya ada kaitan dengan forum. Filem "I'm Not a Terrorist" keluaran White Merpati Entertainment.

Program ini agak unik kerana teknik forum yang di anjurkan, ia itu selepas satu tayangan filem yang judulnya ada kaitan dengan forum. Filem "I'm Not a Terrorist" keluaran White Merpati Entertainment.

ANUGERAH 1 NGO 1 PROGRAM (1N1P)

WACANA SINAR: PERANAN NGO DALAM KONTEKS MALAYSIA BARU

ACCIN • JAMI'YAH

Wacana ini dilihat dapat meningkatkan kesedaran mengenai keberkesanan NGO dalam mempengaruhi dasar-dasar dan tindakan (advokasi) parti-parti politik dalam negara. NGO perlu dilihat sebagai rakan kongsi pembinaan negara. NGO boleh dianggap sebagai kuasa ketiga di mana kuasa utama adalah kerajaan sementara kuasa kedua adalah pembangkang.

Suara ketiga boleh berperanan membawa aspirasi rakyat tanpa kepentingan mencari pengaruh dan undi. Juga sebagai kelompok semak imbang kepada pemerintah.



FORUM: KEPIMPINAN NEGARA KE ARAH KECEMERLANGAN MASYARAKAT & DEKLARASI NGO UNTUK PRU14

ACCIN • PUM

Program ini membincangkan ciri-ciri kepimpinan dari sudut pandangan Islam dan nilai-nilai universal, isu-isu demokrasi dari sudut perlombagaan persekutuan dan undang-undang negara. Peranan nilai-nilai dan prinsip kepimpinan negara untuk membawa masyarakat ke arah kecemerlangan juga di analisa. Seterusnya, pertubuhan-pertubuhan Islam mengisyihar deklarasi 10 perkara menyeru kepimpinan di pihak kerajaan mahupun di pihak pembangkang menghormati perlombagaan persekutuan undang-undang khususnya berhubung prinsip-prinsip pilihanraya, kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Deklarasi ini mendapat perhatian beberapa parti politik dan sessi perbincangan telah di adakan. Laporan media dan laman social di anggarkan di baca oleh kira-kira 2 juta orang.



THE TOUR OF SOLIDARITY PALESTINE: IMAM & PASTOR

ACCIN • ANCOM

Program ini dapat menyerlahkan solidariti masyarakat Islam dan Kristian di Palestin di dalam konflik Palestin-Israel. Masyarakat umum mungkin megnanggap bahawa konflik tersebut hanya membabitkan orang Islam. Tetapi melalui program ini, Imam dan Pastor berkongsi pengalaman masing-masing dan menjelaskan bahawa penderitaan yang dialami oleh orang Islam di bawah rejim Israel turut juga dialami oleh penduduk Kristian di situ di mana orang Kristian yang asalnya berjumlah 10% kini tinggal hanya 2% selepas ramai dibunuh, dipenjara dan menjadi pelarian di seluruh dunia. Penerangan ini perlu disebar luaskan lagi supaya masyarakat bukan Islam mempunyai pandangan yang lebih seimbang mengenai isu Palestin.



ANUGERAH LIFETIME ACHIEVEMENT

Y.BHG DATO' (DR.) HJ. MUSTAPHA MA

Dato Mustapha Ma yang merupakan Pengurus ACCIN yang keempat . Beliau juga pernah memegang jawatan Presiden, Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dan Naib Presiden PERKIM Kebangsaan. Sebagai pengurus ACCIN, beliau berperanan untuk memimpin kempen ACCIN menentang Inter-Faith Commission (IFC) pada tahun 2014 yang di pelopori oleh JK Hak Asasi Kemanusiaan Majlis Peguam.



Usaha ini dilihat sebagai kempen untuk menyamaratakan agama dalam negara walaupun Islam termaktub sebagai Agama Persekutuan dalam Perlombagaan Negara. Sebanyak satu juta risalah dicetak untuk menerangkan kepada rakyat tentang IFC. ACCIN merupakan satu-satunya gabungan ketika itu yang berkempen menentang IFC tanpa bantuan mana-mana pihak .

Komitmen Dato' Mustapha kepada ACCIN di antaranya beliau menghadiri setiap mesyuarat Majlis sejak beliau menjadi Pengurus pada 2004, kecuali jika berada di luar negara atau sebab kesihatan. Beliau juga aktif hadir dalam program-program anjuran ACCIN. Pada umur lapan puluhan, beliau tidak mahu sebarang layanan khas dan lebih selesa menjadi "one of the boys" dalam kunjungan ACCIN/IKATAN di dalam dan luar negara. Beliau juga pernah menjadi salah seorang wakil ACCIN dalam JK Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian antara Penganut Agama, (JKMPKA), satu lantikan Kabinet Malaysia.

Kehadiran dan sokongan Dato' memberi inspirasi dan semangat kepada pimpinan ACCIN sekarang dan golongan pelapis. Nasihat dan teguran beliau menjadi panduan. Kita ucapkan beliau terus sihat walafiat , panjang usia untuk berbakti kepada Agama, negara dan bangsa.

ANUGERAH SUKARELAWAN

PERTUBUHAN IKRAM
ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA
PERTUBUHAN IQRA' MALAYSIA
PERSATUAN DAKWAH ISLAMIAH & KEBAJIKAN SAUDARA BARU INDIA SE-MALAYSIA
PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA



ANUGERAH KHAS - SUMBANGAN CEMERLANG

DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN ABDUL KADIR (PERKIM)

Datuk Hj Zainal adalah mantan Pengarah Dakwah di PERKIM Kebangsaan. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan tinggi di dalam Kerajaan, termasuk menjadi Ketua Pengarah Bahagian Islam di Jabatan Perdana Menteri (JAKIM sekarang ini), Duta Malaysia ke Mesir dan ADUN Melor di Kelantan.

Beliau menyandang jawatan Pengerusi ACCIN bagi tempoh 2009-2010 iaitu selama 2 tahun. Semasa tempoh tersebut, Pejabat ACCIN telah di buka. ACCIN juga menerbitkan buku Hak Assasi Kemanusiaan dlm Tradisi Islam yang di lancarkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau banyak terlibat di dalam menganjurkan program-program dakwah dan ziarah kepada saudara baru Islam. Beliau merupakan seorang yang prihatin tentang kebaikan saudara baru Islam dan sering menyampaikan bantuan dan zakat kepada mereka. Sebagai bekas Pengarah di Kementerian Pendidikan Malaysia, beliau juga terlibat di dalam menangani isu-isu pendidikan.



USTAZ HAJI ABDUL LATIF SATHARAN ABDULLAH (AL-HIDAYAH)



Ustaz Hj Abdul Latif merupakan Presiden Persatuan Dakwah Islamiah Dan Kebajikan Saudara Baru India SeMalaysia (Al-Hidayah) daripada 1999 hingga kini. Beliau adalah bekas Pengerusi ACCIN bagi tempoh 2009. Beliau merupakan seorang penceramah bahasa Tamil yang prolifik dan popular, pernah berceramah ke seluruh negara menjelaskan Islam kepada orang ramai.

Di antara sumbangan beliau adalah:

- Bergerak aktif di dalam menerangkan risalah Islam serta memberi kesedaran dan kefahaman Islam kepada seluruh masyarakat, khususnya saudara baru India. Berusaha mempertahankan kesucian aqidah, syariah dan akhlak Islam saudara baru India dan masyarakat India Muslim serta membendung gejala murtad di kalangan mereka.
- Memperjuangkan hak saudara baru India dan memupuk ukhuwah Islamiah dengan mereka. Mengadakan pelbagai program latihan dan bimbingan dakwah.

AL-MARHUMAH HAJAH SABARIAH ABDULLAH (IIS)

Al-Marhumah Hajah Sabariah adalah pengasas dan peneraju SABA Islamic Media dan juga bekas Setiausaha Agung NGO Islamic Information Services (IIS). Beliau memegang kerusi Pengerusi ACCIN bagi tahun 2008.

ACCIN di bawah beliau bergerak dengan stil korporat dengan meningkatkan profil ACCIN melalui media. Satu kriteria beliau ialah secara konsisten membangunkan sukarelawan pelapis dan daei pelapis.



Beliau di sebut sebagai "iron lady" tetapi dengan jiwa Fastabiqul Khairat, mengejar berbuat kebaikan demi mencapai keredaan Allah swt.

Melalui Saba Islamic Media, beliau telah menerbit dan mengedarkan buku-buku serta bahan-bahan ilmu terutama di dalam bahasa Inggeris yang telah menjadi rujukan para pendakwah.

Beliau banyak berjasa di dalam bidang dakwah kepada non-Muslim di tanah air. Beliau sering menganjurkan ceramah, antaranya bersama Sheikh Ahmad Deedat. Beliau juga berusaha memperkuatkannya semangat muhibbah di kalangan pelbagai bangsa di negara ini, contohnya melalui projek 'One Soul One Quran'.

ANUGERAH KHAS - SUMBANGAN CEMERLANG

TUAN HAJI ADAM MOHD IBRAHIM (RICOI)

Hj Adam Ibrahim merupakan di antara pengasas ACCIN pada tahun 2001. Beliau pernah menyandang jawatan SU Kehormat ACCIN. Sentiasa aktif dan menyumbang idea kepada perjalanan ACCIN. Beliau sentiasa memantau hala tuju ACCIN supaya berada di landasan yang betul. Beliau berhenti menjadi ahli Majlis ACCIN pada tahun 2014 untuk menuju Pertubuhan Harmoni Malaysia.



Hj. Adam adalah orang yang berperanan membawa ACCIN sebagai gabungan Islam yang mewakili NGO-NGO Islam dalam JKMPKA sejak penubuhan JK ini pada 2010. Beliau juga menderakkan Perlembagaan pertama ACCIN. Penubuhan ACCIN bertitik tolak sebagai reaksi kepada usaha beberapa pihak termasuk Malaysian Bar Council untuk menuju Inter Faith Commission (IFC) iaitu satu usaha terbuka untuk menyamaratakan agama dalam negara walaupun jelas dalam perlembagaan Persekutuan bahawa Islam itu Agama Persekutuan. Tn Hj Adam bersama beberapa rakan NGO melihat keperluan NGO2 Islam bersatu fikrah menghadapi isu ini. Maka tertubuhlah ACCIN pada tahun 2001 dengan gabungan 5 NGO Islam.

Beliau telah menulis banyak artikel-artikel merangkumi pelbagai isu yang telah diterbitkan di dalam majalah Islamic Herald, risalah-risalah RICOI dan lain-lain. Antaranya adalah "Why believe in the Qur'an", "Body vs Spirit" dan "Islam & Racism".

ANUGERAH ROUND TABLE DISCUSSION (RTD)

UYGHUR 1 & 2 A CAUSE FOR CONCERN & NEED FOR ACTION ACCIN • IIS • ABIM

Program Persidangan Meja Bulat yang menemukan pelbagai pihak termasuk NGO-NGO Islam, wakil-wakil masyarakat Uighur serta mangsa-mangsa penindasan untuk mendapatkan penjelasan tentang keadaan sebenar yang di alami oleh kaum Uighur yang beragama Islam di Xinjiang, China.



Program turut dihadiri oleh Amnesty International. Suatu resolusi bantahan telah dikemukakan oleh NGO-NGO Islam kepada kedutaan China di Kuala Lumpur. Resolusi ini juga menjadi input kepada JK kajian Isu Xinjiang yang di bentuk of Kementerian Luar Negara.



MODUL DAKWAH ACCIN • UNITY • IOA

Program RTD yang memanfaatkan ilmu dan pengalaman NGO-NGO dakwah untuk merangka modul dakwah yang dapat digunakan untuk melatih dan membentuk da'i-da'i yang lebih efektif di dalam melaksanakan tugas menyampaikan Islam untuk kefahaman yang bukan Islam.

Satu Siri Seminar memahami agama (Understanding other Faiths) dan kepercayaan lain telah di rancang untuk setahun hasil RTD ini.